



SUARANADI

PENANG INSTITUTE

2021
09 APR

SIDANG REDAKSI

Penerbit:
Program Kajian Sejarah
dan Serantau, Penang
Institute

Penasihat:
Ooi Kee Beng

Penyunting:
Izzuddin Ramli

Penolong Penyunting:
Nidhal Mujahid
Sheryl Teoh

Pereka Grafik:
Nur Fitriah

© Hak cipta adalah milik
pengarang.

Segala fakta dan pendapat
adalah di bawah
tanggungjawab pengarang.
Pandangan dan tafsiran
pengarang tidak semestinya
mencerminkan pandangan
rasmi penerbit.

Penerbitan semula karya ini
adalah dengan izin
pengarang.

PENANG
INSTITUTE
making ideas work

10 Brown Road
10350 George Town
Penang, Malaysia

(604) 228 3306
www.penanginstitute.org
suaranadi@penanginstitute.org

Keluar daripada Politik Sempit Agama dan Kaum

Nidhal Rawa

PERKAHWINAN antara politik, agama, dan kaum sudah berakar lama. Di pelbagai belahan dunia, kita bertemu dengan pelbagai gerakan politik yang menyarung identiti agama seperti Islam, misalnya Ikhwanul Muslimin dari Timur Tengah, ataupun Nahdatul Ulama di Indonesia yang mahu mengekalkan identiti setempat di sebalik teras ideologi Islam. Atas pelbagai alasan, khususnya pendidikan, peristiwa-peristiwa yang terjadi pada peringkat antarabangsa seperti revolusi Islam Iran serta gerakan-gerakan politik ini juga turut berpengaruh terhadap pembentukan politik di negara ini.

Di Malaysia, salah satu cerminan kepada letak duduk Islam dalam hal ehwal pentadbiran dapat dilihat melalui kewujudan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang berfungsi sebagai pemantau pembangunan agama Islam. Begitu juga dengan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang menjadi salah satu tonggak utama perundungan negara ini. Jenama dan slogan yang berbau agama turut memiliki daya mobilisasi politiknya. Di Malaysia, kita bertemu, misalnya, dengan konsep Islam *Hadhari* atau *Rahmatan Lil Alamin* sebagai salah satu bentuk tafsiran kepada corak kehidupan masyarakat pelbagai kaum dan agama.

Walau bagaimanapun, penyerapan agama dan kaum ke dalam politik tidak selalunya

berhujung dengan baik, apatah lagi dalam konteks masyarakat yang majmuk. Kadangkala, kegagalan untuk menguruskan kerencaman masyarakat ini akan mencetuskan ketidaksefahaman serta konflik. Akibatnya, masyarakat terus berpecah-belah. Oleh yang demikian, suatu renungan kembali terhadap cara kita mengadunkan politik dan agama, khususnya dalam suasana kepelbagaian pemikiran yang ada, perlu dilakukan.

Politik Warisan Penjajah

Malaysia sememangnya terkenal dengan masyarakatnya yang terdiri daripada pelbagai budaya dan etnik. Maka, tidak menghairankan jika politik berasaskan identiti etnik dan agama masih lagi mendominasi. Sejarahnya mungkin boleh dijejaki sejak negara ini masih di bawah pentadbiran penjajah British. Dengan konsep pecah dan perintah, British memisah-misahkan masyarakat di tanah jajahan ini mengikut garis kaum.

Kesannya, kita mengenal parti-parti politik seperti UMNO, MCA, dan MIC yang mewakili kaum-kaum terbesar di Tanah Melayu. Kewujudan parti-parti politik mengikut kaum ini juga adalah bayaran untuk sebuah kemerdekaan. Bentuk politik lama inilah yang diteruskan selepas kita merdeka. Tidak lama kemudian, agama pula semakin mengambil tempat dalam politik negara ini.

Bibit-bibit pengaruh agama dalam politik Malaysia bermula dengan kewujudan pelbagai gerakan agama yang memberi tumpuan terhadap pendidikan dan dakwah, tetapi masih tidak ke hadapan untuk ke persada politik.

Walau bagaimanapun, penyerapan agama dan kaum ke dalam politik tidak selalunya berhujung dengan baik, apatah lagi dalam konteks masyarakat yang majmuk.

Ketika terjadinya perbalahan dalam UMNO di antara kelompok nasionalis dan agama, akhirnya kelompok agama membawa diri dan menubuhkan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) yang kemudiannya menjadi kuasa politik baru. Untuk keluar daripada perjuangan yang bersifat nasionalistik, PAS menawarkan pilihan politik lain iaitu agama.

Politik berdasarkan kaum dan agama mungkin sampai kepada penghujungnya pada tahun 2018. Dengan kemenangan Pakatan Harapan, ada harapan baharu bahwa politik sempit ini akan berakhir. Namun begitu, harapan ini tidak kesampaian kerana perubahan kuasa melalui ‘Langkah Sheraton’. Politik mula tertumpu ke arah perpaduan kaum Melayu tatkala UMNO dan PAS kembali berbaik lalu bersama BERSATU dengan menubuhkan kerajaan Perikatan Nasional. Akhirnya, semua menggunakan retorik kaum.

Mengimbau kembali ketika Pakatan Harapan mentadbir Malaysia selepas Pilihan Raya Umum ke-14, kebanyakan isu yang menerpa adalah tentang kedaulatan Islam dan Melayu tergugat. Misalnya, pada tahun 2018 ketika Pakatan Harapan melakukan inisiatif pemulihan Tabung Haji dengan meletakkan sesetengah aset dan ekuiti yang berprestasi rendah dalam syarikat bertujuan khas di bawah Kementerian Kewangan¹. Namun perkara ini ditafsirkan sebagai mengancam institusi Islam.

Melampaui Lensa Agama dan Kaum

Walaupun sudah berdekad lamanya merdeka, politik Malaysia masih belum terlepas daripada politik identiti agama dan kaum. Pada hari ini, kita masih bertemu dengan parti-parti politik yang menjaya slogan-slogan seperti ‘hak keistimewaan orang Melayu’ dan ‘keaduanan Melayu-Islam’. Akibatnya, kita gagal untuk melihat realiti-realiti lain seperti masalah ekonomi ataupun ketirisan dalam tadbir urus kewangan negara. Lebih malang, hanya kerana memperjuangkan agama dan kaum, kita menutup mata dan telinga terhadap segala ketidaktelusan yang berlaku dalam politik dan pentadbiran.

Pada hari ini, masih ramai daripada kita yang lebih terpegun dengan sosok-sosok politik yang membawa citra Islam dan Melayu, baik dalam ucapan maupun gaya berpakaian mereka. Tidak sedikit juga yang mengambil jalur ekstrem dalam mempertahankan kedaulatan agama. Malah, disebabkan kemampuannya untuk menggerakkan masyarakat, maka identiti agama juga kadangkala disulam dengan identiti kaum.

Walaupun demikian, kita menyangjung bahawa ada juga yang cuba menggalakkan suatu bentuk pentafsiran Islam yang lebih sederhana atau kembali kepada falsafahnya. Pentafsiran agama yang lebih sederhana dan sesuai dengan perubahan-perubahan semasa seperti ini sangat penting kerana matlamatnya adalah untuk memupuk sikap toleransi dalam perbezaan fahaman. Di Malaysia, disebabkan kepelbagaiannya masyarakatnya, tidak mudah untuk mengaplikasikan nilai-nilai agama tertentu secara menyeluruh.

Akibatnya, kita gagal untuk melihat realiti-realiti lain seperti masalah ekonomi ataupun ketirisan dalam tadbir urus kewangan negara.

¹ The Edge Market (2018, December 11) MoF SPV to take over RM19.9b of Tabung Haji's underperforming assets. <https://www.theedgemarkets.com/article/mof-spv-take-over-rm199b-tabung-hajis-underperforming-assets>

Seharusnya, Islam itu hadir untuk mendidik umatnya supaya berbuat baik dengan semua orang tanpa mengira latar belakang mereka. Suka atau tidak, nilai-nilai Islam tersebut haruslah digarap dengan memberi kebaikan sejagat tanpa prejudis dengan nilai yang bertentangan dengan ajaran Islam. Nilai-nilai Islam yang menghormati kepelbagaiannya dan pemikiran seharusnya dibawa masuk ke dalam perbincangan awam. Ianya bukan sekadar menjadi jenama politik semata-mata bahkan amat jelas isyaratnya untuk mengubah mentaliti Islam yang ‘eksklusif’.

Kita perlu merenung lebih jauh lagi bahawa musuh sebenar bukannya kaum dan agama tertentu, akan tetapi sikap taksub terhadap pegangan kepercayaan sendiri.

Norma dan budaya dalam kemajmukan masyarakat tidak harus dipinggirkan oleh semua pihak. Kewujudan pelbagai kepercayaan agama dan budaya di Malaysia seharusnya dijadikan kesedaran utama pemain politik beridentitikan

Islam agar lebih berhati-hati dalam menelusuri sesuatu isu politik yang mendatang. Isunya, mengaplikasikan nilai politik Islam agar mencapai keamanan sejagat, bukannya menggunakan nilai Islam untuk melindungi perkara yang *batil* dan memberi kemudarat kepada yang lain.

Kita perlu merenung lebih jauh lagi bahawa musuh sebenar bukannya kaum dan agama tertentu, akan tetapi sikap taksub terhadap pegangan kepercayaan sendiri. Malah dalam ajaran Islam sendiri pun amat menitikberatkan adab dan toleransi terhadap perbezaan *ijtihad* dalam agama. Citra Islam dan Melayu wajar difahami untuk mengenal diri sendiri, bukannya digunakan sebagai alasan untuk menghina kaum, agama, dan fahaman lain yang wujud di Malaysia.

Perlu disedari bahawa politik adalah wadah untuk menguruskan hal ehwal masyarakat secara menyeluruh, bukannya semata-mata untuk kaum tertentu. Mengambil iktibar daripada wabak Covid-19 yang melanda, tidak dapat tidak rakyat Malaysia harus bersatu tanpa mengira kaum, bangsa, dan agama mendepani musuh ini agar negara lebih maju ke hadapan.



Nidhal Rawa merupakan seorang penyelidik di Program Kajian Sejarah dan Serantau di Penang Institute. Bidang kajian beliau termasuklah politik Islam dan sejarah perkembangan masyarakat Muslim di Pulau Pinang.